

MULTIDIMENSI DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN BAHASA ARAB
oleh Nik Farhan, Che Radiah Mezah dan Pabiyah Toklubok@Hajimaming. 2016. Penerbit
Universiti Putra Malaysia: Serdang. Halaman 177. ISBN 978-967-344-596-7.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab sudah lama bertapak di Malaysia. Mata pelajaran bahasa Arab diajar bermula di peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Oleh itu, pelbagai pendekatan pengajaran telah dilaksanakan bagi menyantuni keperluan setiap peringkat penuntut yang mempelajari bahasa Arab. Pelaksanaan PdP bahasa Arab juga sentiasa mendapat perhatian para pengkaji dari semasa ke semasa terutamanya apabila membincangkan berkaitan kaedah, strategi dan teknik pengajaran bahasa ini. Kajian-kajian yang dilaksanakan adalah sejajar dengan keperluan semasa penuntut bahasa Arab yang diharapkan agar lebih menguasainya dengan lebih berkesan. Justeru buku ini hadir dengan misi dan visi yang sama dengan menampilkan pelbagai dimensi PdP bahasa Arab di peringkat IPT.

Buku ini merupakan kompilasi hasil usaha kajian para pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Usaha pengumpulan penulisan hasil kajian hingga dibukukan ini telah dilaksanakan oleh tiga orang editor iaitu Dr. Nik Farhan Mustapha, Dr. Che Radiah Mezah dan Dr. Pabiyah Toklubok@Hajimaming. Terdapat 15 bab di dalam buku ini yang membincangkan pelbagai sudut dimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Buku ini menumpukan perbincangannya terhadap isu-isu umum, kemahiran, aplikasi, linguistik (gabungan pendekatan tradisional dan moden) dan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Objektif buku ini ialah untuk merungkai isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antara isu utamanya ialah pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pendidik kurang bersesuaian dengan naluri pelajar yang hampir keseluruhannya adalah Generasi Y dan Z. Hal ini kerana pendekatan dalam pengajaran pula masih mengikut cita rasa pensyarah yang majoritinya Generasi X. Justeru, buku ini hadir dengan lima fokus yang mencakupi dimensi motivasi, kognitif dan metakognitif, kemahiran membaca, kemahiran bertutur, kemahiran penterjemahan, peningkatan kosa kata, pembelajaran morfologi, sintaksis dan balaghah serta kesusasteraan.

Analisis keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia merupakan bab pembuka kepada buku ini. Bab ini (ms 1-15) menekankan peri pentingnya diadakan analisis keperluan sebelum mewujudkan sesuatu program bahasa. Analisis keperluan adalah asas kepada mewujudkan sesuatu perkara kerana ia mampu memberikan hasil dapatan yang membantu ke arah tersebut. Sebanyak lima model analisis keperluan dijelaskan dalam bab ini.

Apa yang menarik melalui model-model yang dijelaskan, penulis mengaitkan analisis keperluan dalam bidang bahasa Arab kepada tujuan individu mempelajari bahasa Arab, kemahiran bahasa yang ingin dikuasai, bahan pembelajaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada analisis keperluan mewujudkan sesuatu program bahasa Arab dengan tujuan mempelajari bahasa ini dapat dikenal pasti. Seterusnya dapat dibangun dan diaplikasi model-model pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk audien yang dimaksudkan.

Intergrasi motivasi Islam dan Barat dalam pembelajaran bahasa Arab adalah hasil kajian yang dimuatkan dalam bab kedua (ms 16-28). Tidak dinafikan, dalam mempelajari sesuatu ilmu,

faktor motivasi adalah amat penting kerana mampu mengekalkan momentum disiplin yang baik ketika menuntut ilmu. Dalam konteks pembelajaran bahasa asing, bentuk motivasi dibahagikan kepada dua iaitu motivasi ekstrinsik (luaran) dan motivasi intrinsik (dalaman). Penulis mengetengahkan secara ringkas enam teori yang diasaskan oleh para sarjana dari Barat. Manakala teori motivasi Islam, sebanyak empat teori yang telah dihuraikan.

Daripada rumusan teori motivasi sarjana Barat dan motivasi Islam, kedua-duanya tidak bercanggah antara satu sama lain. Bahkan kedua-dua teori saling melengkapi antara keduanya. Teori-teori motivasi sarjana Barat lebih banyak menekankan kebolehterapannya dalam diri pelajar dan kebolehnilaiannya pada pandangan guru. Teori-teori motivasi Islam pula melihat motivasi manusia yang lebih holistik dengan menggabungkan unsur rohani, keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Melalui kedua-dua teori yang dihuraikan, dapat dirumuskan bahawa teori-teori motivasi sarjana Barat dapat membantu kepada penghayatan motivasi Islam dengan lebih mendalam yang memandu ke arah ketakwaan kepada Allah SWT.

Sejajar dengan judul buku multidimensi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, satu medium pembelajaran dalam talian telah dipilih sebagai salah satu bab dalam buku ini. E-forum (ms 29-35) merupakan medium pembelajaran interaktif dalam talian yang membolehkan pelajar dan pensyarah berbincang berkaitan topik pembelajaran pada bila-bila masa yang sesuai di luar waktu kelas. Melalui medium ini, para pelajar berbincang dengan rakan-rakan universiti bahkan juga pensyarah pakar bidang yang menyertai e-forum. Konsep *instant messaging* dalam e-forum mampu membantu pelajar mendapatkan maklumat yang lebih spesifik tanpa rasa malu. Tidak dinafikan faktor malu memberikan pendapat dan bertanya kepada pensyarah merupakan faktor halangan pelajar masa kini ketika aktiviti PdP kelas bersemuka.

Konsep pembelajaran e-forum telah dicadangkan oleh penulis bagi merancakkan pembelajaran bahasa Arab di peringkat universiti. Mengambil contoh aplikasi e-forum yang telah dilaksanakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk kursus terjemahan bahasa Inggeris, aplikasi ini boleh diperluas penggunaannya untuk kursus lain pada masa akan datang khususnya kursus bahasa Arab. Perbincangan pembelajaran dalam talian e-forum yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi telah membuka jalan kepada penerokaan aplikasi-aplikasi pembelajaran dalam talian yang lain. Kini pada tahun 2021, setelah lima tahun buku ini diterbitkan, pembelajaran dalam talian sudah tidak asing lagi bagi semua peringkat bermula dari peringkat Pra Sekolah hingga ke Institusi Pengajian Tinggi. Ini menunjukkan penulis mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan dengan menggarap idea pembelajaran bahasa Arab dalam talian sebagai salah satu medium yang perlu diterokai. Dengan adanya jaringan internet yang lebih baik, kini pelbagai aplikasi pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah diguna pakai. Lebih banyak pilihan aplikasi yang diasaskan untuk PdP, lebih banyak kemahiran teknologi mampu dimiliki oleh warga pendidik mahupun pelajar.

Dalam konteks PdP kemahiran bahasa, buku ini memulakan perbincangan berkaitan kemahiran membaca bahasa Arab melalui dua bab (ms 36-59). Kemahiran membaca dan memahami bahan bacaan bahasa Arab yang pelbagai adalah objektif yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab bagi sekolah menengah. Penulis mengupas tentang strategi PdP yang sesuai digunakan dalam kemahiran membaca. Strategi Metakognitif dalam pembacaan teks bahasa Arab adalah satu proses yang mengawal kognitif dan melibatkan pemikiran aras tinggi. Penulis menyarankan agar pelaksanaannya diaplikasi ketika menyampaikan pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab.

Penulis menghuraikan strategi menguasai bacaan dan bahan bacaan melalui metakognitif yang terbahagi kepada tiga iaitu Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan. Walau bagaimanapun, sebelum melaksanakan strategi ini kepada pelajar, tenaga pengajar perlu menguasai kefahaman terhadap konsep metakognitif. Tenaga pengajar adalah elemen penting dalam proses PdP. Justeru penguasaan mereka terhadap pelaksanaan sesuatu strategi perlu diambil kira.

Seterusnya perbincangan kajian dimensi PdP kemahiran membaca bahasa Arab menemukan pendekatan melalui penguasaan terhadap tatabahasa Arab. Kupasan penulis terhadap kajian terdahulu mendapati bahawa kemahiran membaca bahasa Arab di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masih di tahap sederhana dan lemah walaupun telah didedahkan sejak peringkat sekolah menengah. Oleh itu, PdP kemahiran membaca bahasa Arab melalui penguasaan tatabahasa terutamanya ilmu sintak (nahu) diketengahkan dalam bab ini sebagai salah satu dimensi pendekatan pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab. Penguasaan terhadap subjek-predikat bahasa Arab atau مبتدأ خبر amat penting dalam aktiviti membaca. Kefahaman terhadap bahan bacaan bergantung kepada memahami konsep subjek-predikat dalam binaan ayat bahasa Arab. Selain itu, konsep fi'il dan fa'il (فعل و فاعل) juga perlu dikuasai bagi menyempurnakan kefahaman bahan bacaan.

Kesepaduan pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab melalui penguasaan tatabahasa dapat direalisasikan dengan menggunakan teks bacaan yang lebih panjang ketika PdP. Melaluinya tenaga pengajar dicadangkan agar menggunakan teks bacaan yang sesuai selain galakan menambah kosa kata kepada pelajar.

Pemantapan efikasi sendiri pelajar pula adalah dimensi pengajaran yang dibincangkan dalam kemahiran bertutur bahasa Arab (ms 60-68). Perbincangan bagi kemahiran ini hanya terdapat dalam satu bab sahaja. Perbincangannya berfokus kepada peranan tenaga pengajar yang perlu membimbing pelajar ke arah mengenal pasti kemahiran bertutur secara sendiri. Pelajar seharusnya didedahkan dengan pelbagai aktiviti bertutur bahasa Arab oleh tenaga pengajar sehingga membolehkan pelajar cukup yakin dengan kebolehan bertutur menggunakan bahasa Arab. Melalui saluran aktiviti bertutur bahasa Arab di dalam dan di luar kelas, kerjasama antara tenaga pengajar dan pelajar amat penting bagi mencapai objektif yang diharapkan. Dimensi yang dibincangkan dalam bab ini merupakan satu langkah ke hadapan ke arah pembelajaran berpusatkan pelajar. Ia juga sejajar dengan perkembangan PdP abad ke-21 masa kini.

Kemahiran menulis bahasa Arab ditemukan perbincangannya juga dalam satu bab (ms 69-80). Penulis mengetengahkan model pembelajaran menulis secara koperatif oleh Slavin (1989). Bertitik tolak daripada permasalahan pelajar yang kurang menguasai kemahiran menulis karangan bahasa Arab secara sendiri, model pembelajaran menulis secara koperatif perlu diaplikasi bagi mengatasi masalah ini. Tenaga pengajar memainkan watak penting ketika pengajaran kemahiran menulis dilaksanakan dengan menyuntik semangat pelajar secara berpasukan dan menyelesaikan tugas bertulis dalam model ini. Pelajar yang diagihkan kepada kumpulan bertanggungjawab secara bersama menggembelng idea menghasilkan penulisan karangan bahasa Arab. Penulis telah menghuraikan implikasi positif terhadap pelajar apabila model koperatif dipraktikkan. Antaranya ialah kemahiran sosial, komunikasi, kepimpinan dan berani membuat keputusan.

Bidang terjemahan merupakan salah satu bidang dalam bahasa Arab. Penterjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu adalah tidak asing ketika PdP bahasa Arab dilaksanakan. Apa

yang menarik melalui penulisan berkaitan topik ini ialah penulis telah memberikan huraian teknik pengulangan dalam penterjemahan komunikatif yang berkait rapat dengan pembelajaran sintaksis bahasa Arab (ms 81-89). Tujuan teknik ini ialah mencapai matlamat bahasa sumber mengikut norma bahasa sasaran. Melalui terjemahan komunikatif, pelajar secara tidak langsung akan lebih menguasai frasa yang betul dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Frasa yang dimaksudkan ialah frasa nama, sendi nama, adjektif dan frasa kerja.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sering dikaitkan dengan kepentingan menguasai tatabahasa dengan baik. Manakala penguasaan kosa kata bahasa Arab kurang dibincangkan. Namun topik berkaitan kosa kata ternyata turut diberi perhatian dalam perbincangan buku ini (ms 90-99). Perbincangan topik ini dimulai dengan senario pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia masih kurang menguasai kosa kata bahasa Arab bagi melengkapkan empat kemahiran asas bahasa Arab. Fokus perbincangan topik kosa kata lebih terarah kepada teknik pengajaran kosa kata aktif ketika PdP bahasa Arab dilaksanakan.

Teknik yang dihuraikan ialah permainan bahasa yang melibatkan pelajar dalam bilik darjah. Pelajar mempraktikkan empat kemahiran asas bahasa Arab sambil menggunakan kosa kata yang baharu. Beberapa aktiviti permainan bahasa dihuraikan secara terperinci dengan langkah demi langkah bagi panduan tenaga pengajar bahasa Arab. Ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar mempraktikkan kosa kata yang dipelajari secara aktif di samping memahami penggunaannya secara verbal dan bertulis.

Seterusnya penulis membincangkan topik kata pinjaman Arab dalam pembelajaran bahasa. Tidak dinafikan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat lebih 3000 patah perkataan pinjaman daripada bahasa Arab. Perbincangan topik ini merupakan kesinambungan kepada kajian-kajian kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu sebelum ini yang memfokuskan kepada teori pinjaman dan jumlah perkataan. Untuk itu, topik yang dimuatkan dalam bab buku ini memperlihatkan satu sisi baharu iaitu kesan pemendekan vokal panjang kata pinjaman Arab dalam pembelajaran bahasa. Penulis menjelaskan secara deskriptif perubahan-perubahan yang berlaku kepada perkataan bahasa Arab yang mempunyai vokal panjang tetapi telah dipendekkan apabila digunakan dalam bahasa Melayu. Ini berlaku berdasarkan beberapa faktor yang amat jelas dihuraikan oleh penulis melalui gambar rajah dan jadual.

Intipati topik ini menyimpulkan bahawa apabila di dalam kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, tenaga pengajar perlu menekankan vokal panjang yang terdapat di dalam perkataan. Apa yang penting ketika proses PdP berlaku, tenaga pengajar mestilah menyebut vokal panjang dengan sebutan yang tepat panjangnya supaya pelajar mendapat pendedahan sebutan perkataan dengan betul. Hal ini kerana sebutan vokal panjang dan pendek dalam bahasa Arab boleh membawa makna yang berbeza pada perkataan. Selain itu, penulis menegaskan peri pentingnya penerangan kepada pelajar berkaitan peminjaman kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu bagi mengelakkan kekeliruan sebutan vokal panjang dan pendek pada satu-satu perkataan.

Fokus perbincangan ilmu sintaksis dalam buku ini membawa pembaca kepada memahami penggunaan istilah-istilah sub-topik ilmu sintaksis dalam bahasa Melayu. Terdapat dua bab dalam buku ini yang memfokuskan dimensi pengajaran dan pembelajaran sintaksis dalam bahasa Arab. Ilmu sintaksis yang dihuraikan ialah pendekatan pengajaran fleksi Kata Nama Akusatif (إعراب المفعول به) dan Frasa Aneksi (المضاف ومضاف إليه). Melalui kedua-dua bab ini penulis melontarkan idea pengajaran ilmu sintaktis bahasa Arab menggunakan strategi

kognitif dan pembelajaran tatabahasa Arab secara umum. Strategi ini didokong oleh pelbagai aktiviti pengajaran yang perlu dirangka oleh tenaga pengajar. Bahan-bahan pengajaran yang disediakan adalah menjurus kepada kognitif pelajar ketika menyelesaikan tugas dalam aktiviti yang diberikan.

Tenaga pengajar sekali lagi memainkan peranan amat penting bagi memastikan pelajar menguasai pembelajaran ilmu sintaksis ini. Penggabungan disarankan sebagai salah satu kaedah efektif dalam pengajaran ilmu sintak. Pendekatan pengajaran bagi kedua-dua ilmu sintak boleh disampaikan secara khusus. Namun bagi memastikan pelajar menguasainya, ia perlu digabung jalin dengan pengajaran yang melibatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis bahasa Arab. Selain itu, membandingkan penggunaan ilmu sintak bahasa Arab dengan bahasa Melayu mampu mempercepatkan pemahaman dalam kalangan pelajar Melayu. Walau bagaimanapun, setiap pendekatan pengajaran perlu melihat tahap kemampuan pelajar. Hal ini amat dititikberatkan oleh penulis.

Tiga bab terakhir buku ini memfokuskan dimensi pengajaran bahasa Arab dalam bidang ilmu balaghah dan kesusasteraan. Bagi ilmu balaghah, pengajaran melalui peta minda merupakan salah satu strategi bagi mengatasi permasalahan pelajar yang menyatakan bahawa mata pelajaran ini adalah sukar difahami. Ia seiring dengan pengenalan projek *iThink* yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mahu para pelajar belajar dengan menggunakan cara berfikir aras tinggi. Seterusnya, dimensi pengajaran ilmu Balaghah dihubung kait dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perumpamaan sebagai bahan pembelajaran. Terdapat tujuh ayat al-Quran terpilih sebagai bahan pembelajaran perumpamaan dalam bahasa Arab. Selain itu, penulis juga merencana penerangannya dengan baik dengan mengkategorikan perumpamaan yang membawa maksud “umpama” dan “banding”.

Bab terakhir buku ini mengetengahkan cerpen oleh sasterawan Arab Najib al-Kilani sebagai bahan PdP sastera Arab. Cerpen yang dimaksudkan ialah cerpen bertajuk *Abu Khaythamah*. Penulis menyarankan pemilihan cerpen tersebut berdasarkan keunggulan watak utama ketika mendepani konflik dalam dirinya sendiri. Penulis turut menyokong saranannya dengan hasil dapatan penulis sebelumnya yang berpandangan bahawa cerpen bahasa Arab dapat memberi kesan yang lebih pantas menghayati sastera. Bab ini merupakan pelengkap kepada aspek-aspek multidimensi PdP bahasa Arab yang menjadi fokus utama buku ini.

Kekuatan buku ini ialah berdasarkan hasil kupasannya terhadap pelbagai dimensi PdP bahasa Arab melalui kajian yang telah dijalankan oleh penulis. Setiap penulisan bab didahului dengan latar belakang masalah kajian dan seterusnya penulisan berkembang kepada kajian-kajian terdahulu berkaitan topik di dalam bab. Keistimewaan setiap bab yang diketengahkan pula memfokuskan kepada satu dimensi baharu PdP bahasa Arab. Implikasi dan cadangan dalam setiap bab juga merupakan elemen kekuatan karya ini bagi menarik perhatian pembaca.

Pendekatan PdP dalam setiap bab dalam karya ini telah diolah dan diberi nafas baharu bagi mendepani cabaran PdP bersama generasi Y dan Z. Oleh itu, karya ini menggambarkan bahawa PdP bahasa Arab sebenarnya amat fleksibel yang boleh menerima perubahan dari segi kaedah, teknik, metod dan strategi pengajaran serta pembelajaran. Pendekatan yang dibincangkan memberi gambaran jelas kepada sesiapa juga yang melibatkan diri dalam PdP bahasa Arab terutamanya di peringkat IPT. Setiap dimensi yang disarankan wajar diaplikasi bagi membantu pelajar memperoleh kemahiran bahasa yang menjadi fokus utama dalam karya ini.

Susun atur buku adalah baik dan sekata dari segi huruf, tajuk setiap bab dan senarai rujukan. Setiap bab mengandungi subtopik yang telah disusun dengan baik bagi memudahkan pembaca memahami setiap isu yang dibincangkan. Senarai rujukan setiap bab juga mengikut sistem APA yang lengkap.

Namun begitu ada penambahbaikan yang perlu dicadangkan untuk karya ini. Terdapat satu dimensi PdP kemahiran bahasa Arab yang tidak dibincangkan dalam karya ini iaitu dimensi PdP kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam pemerolehan bahasa. Kemahiran ini sering kurang diberi perhatian dalam perbincangan PdP bahasa Arab sedangkan ia adalah kemahiran pertama sebelum seseorang itu mampu bertutur, membaca dan menulis. Hasil karya ini akan tampak lebih mantap dan sempurna apabila kesemua dimensi PdP kemahiran asas bahasa Arab menjadi bab dalam perbincangan.

Secara keseluruhannya buku ini adalah sesuai sebagai bahan bacaan dan panduan kepada mereka yang berkecimpung dalam PdP bahasa Arab. Pendekatan PdP bahasa Arab yang dihimpun dan dibincangkan boleh diaplikasi sebagai satu usaha memperkasa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pada peringkat IPT.

Hairun Najuwah Jamali

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).